# Inisiatif UPM Putra Cakna bukti rakyat di hati siswa, galak pelajar dalam aktiviti sukarelawan



PUCHONG, 24 Dis – Universiti Putra Malaysia (UPM) menghantar Misi Sukarelawan Bantuan Mangsa Banjir terdiri daripada 200 pelajar ke lokasi banjir di di sekitar Puchong, Subang, Petaling dan Sg. Buluh, Selangor.

Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata beliau berharap misi sukarelawan itu dicontohi oleh semua pihak terutamanya di kalangan pelajar IPT bagi membangkitkan keprihatinan serta semangat kesukarelawan pelajar.

"Saya berbangga dengan semangat sukarelawan UPM dan kita harus membantu sedaya upaya kita dalam misi pembersihan rumah mangsa-mangsa banjir di kawasan tersebut yang secara langsung dapat menggembirakan mereka yang terkesan dengan musibah banjir," katanya.



Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata penglibatan pelajar UPM sebagai sukarelawan itu adalah selaras dengan hasrat Pelan Strategik UPM 2021-2025 pada Matlamat 1: Melahirkan watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang serta kesejahteraan komuniti setempat pada Matlamat ke-3: Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri Dan Masyarakat.

"Penglibatan pelajar UPM dalam misi sukarelawan itu secara langsung akan memberi pendedahan kepada pelajar bagi memupuk sifat kepimpinan untuk berbakti serta mengukuhkan jaringan sosial terhadap masyarakat bagi nilai tambah dalam diri pelajar," katanya.

Turut hadir, Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment (WAZAN), UPM, Prof. Madya Dr. Mohd Daud Awang; Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM, Nuruliman Ibrahim dan Felo Bersekutu (Perhubungan dan Kebajikan), Pejabat Naib Canselor UPM, Bukryman Sabri.

UPM turut memberikan hasil keluaran iaitu sayur-sayuran dan buah-buahan dari Pusat Pertanian Putra yang digunakan dalam penyediaan makanan untuk diedarkan kepada mangsa banjir.



Selain itu, Pusat Islam, UPM dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM dan Sahabat Masjid UPM telah berganding bahu mengatur satu inisiatif keprihatinan bagi membantu mangsa banjir dengan mewujudkan Program Dapur Rezeki @UPM yang beroperasi sehingga 26 Disember 2021.

Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA) dengan kerjasama Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), UPM, dan Persatuan Doktor Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA) melancarkan misi kecemasan dan perubatan bagi membantu haiwan yang terkesan dengan banjir di kawasan Shah Alam dan Taman Sri Nanding, Selangor.

Sumbangan makanan haiwan dan keperluan peralatan perubatan adalah disumbangkan dari pelbagai agensi dan syarikat seperti Petworld, Hill's, Royal Kanin, KM Vet Pharm, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM. - UPM

LIHAT JUGA



INSPEM sambut ulang tahun ke-20 penubuhan di UPM (/berita/inspem_sambut_ulang_tahun_ke_20_penubuhan_di_upm-66234)



Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia UPM anjur bengkel menggubal dasar 'National Transfer Account' bersama Kementerian Kewangan dan PBB (/berita/institut_penyelidikan_penuaan_malaysia_upm_anjur_bengkel_menggubal_dasar_national_transfer_account_bersama_kementerian_kewangan_dan_pbb-66233)



Pusat Rawatan Kecil (PRK) Darussyifa' Masjid UPM dirasmikan (/berita/pusat_rawatan_kecil_prk_darussyifa_masjid_upm_dirasmikan-66125)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

W1VEEIA3:08:25

Tarikh Input: 22/02/2022 | Kemaskini: 22/02/2022 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Finisiatif_upm_putra_cakna_bukti_rakyat_di_hati_siswa_galak_pelajar_dalam_aktiviti_sukarelawan-65611&title=Inisiatif%20UPM%20Putra%20Cakna%20Bukti%20Rakyat%20Di%20Hati%20Siswa%2C%20Galak%20Pelajar%20Dalam%20Aktiviti%20Sukarelawan%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia) (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

- Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
- Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
- KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
- Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
- Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
- Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
- Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
- Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
- i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
- i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
- Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

- Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)
- Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
- Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
- Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

- FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
- Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
- Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
- Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
- Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
- Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
- Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
- Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
- Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
- UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

(http://putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/) (https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/) (http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda **HANTAR**

W1VEEIA3:08:25